



Headline: Pelajar universiti rugi RM11,200 ditipu 'Macau Scam'

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Date: 30 March 2022

Language: Malay

Section: Tempatan

Page: 2

Pelajar universiti rugi RM11,200 ditipu 'Macau Scam'

SIBU: Seorang pelajar universiti kerugian RM11,200 selepas terpedaya dengan sindiket penipuan 'Macau Scam' dalam kejadian pada 26 lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Sibul Superintendent Dr Collin Babat berkata, mangsa, 26, menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai operasi cukai dari ibu pejabat Cyberjaya.

Katanya, suspek memberitahu pengadu bahawa syarikat HRC Global Sdn Bhd yang didaftarkan atas namanya mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM36,600.90.

"Pengadu yang menafikan memiliki sebarang syarikat kemudian disambung kepada seorang 'pegawai polis berpangkat sarjan' bagi membuat laporan polis dan urusan untuk mengelakkan pembayaran cukai," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Collin berkata, pengadu kemudian berhubung dengan 'Encik Hadi' dari Bank Negara Malaysia yang memintanya untuk membuat pemindahan kesemua wang simpanannya ke satu akaun bank miliknya bagi tujuan untuk melindungi wangnya daripada dibekukan oleh pihak berkuasa.

Mangsa yang percaya dan ketakutan kemudian membuat dua kali transaksi pemindahan wang berjumlah RM7,545 dan RM730.00 ke akaun Bank Islam miliknya yang berjumlah RM11,218.68 selepas penambahan itu.

"Pengadu juga memberi butiran bank miliknya, selain berkongsi kata laluan akaun kepada suspek dan diarah menunggu panggilan daripada pihak polis untuk urusan selanjutnya," jelas beliau.

Apabila pengadu menghubungi pusat khidmat pelanggan Bank Islam dia dimaklumkan oleh pihak bank bahawa wang miliknya sebanyak RM11,200 telah

dipindahkan ke akaun lain.

Sementara itu dalam kes yang berasingan, seorang pembantu kedai wanita berusia 24 tahun mengalami kerugian RM7,500 selepas diperdayakan seorang wanita yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri yang memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM38,800.

"Bimbang namanya akan disenarai hitam, pengadu telah mengikut arahan suspek supaya memindahkan sejumlah RM7,500 ke akaun bank lain untuk tujuan memastikan wang itu bukan daripada hasil pengubahan wang haram.

"Namun mangsa menyedari dirinya telah ditipu selepas suspek gagal menjelaskan status kes pengadu dan memberi pelbagai alasan tidak munasabah tentang prosedur kes tersebut.

"Kedua-dua kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," kata Collin.